



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	7/1/2020	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Tapir maut dilanggar kenderaan berat



Seekor tapir betina ditemui mati dipercayai akibat dilanggar kenderaan berat di Batu 20 Jalan Kota Tinggi-Mersing kelmarin.

JOHOR BAHRU - Bangkai seekor tapir Malaya betina ditemukan di Batu 20, Jalan Kota Tinggi-Mersing awal pagi kelmarin dipercayai akibat dilanggar kenderaan berat.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor, Salman Saaban berkata, haiwan berusia di antara lima hingga enam tahun dan seberat 200 kilogram itu ditemukan orang awam di tepi jalan berkenaan sebelum dimaklumkan kepada pihak Perhilitan.

“Terdapat kecederaan dan kesan luka akibat seretan atau dilanggar oleh kenderaan di bahagian badan namun kenderaan yang disyaki melanggar tapir tiada di lokasi kejadian semasa siasatan dijalankan.

“Pemeriksaan di sekitar

lokasi kejadian juga mendapati tiada kesan terbabas kenderaan, justeru haiwan itu dipercayai dilanggar kenderaan berat,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Salman berkata, berdasarkan kesan laluan di kawasan semak-samun berhampiran, pihaknya percaya tapir tersebut datang dari Hutan Simpan Kekal (HSK) Ulu Sedeli dan cuba untuk melintasi jalan raya berkenaan untuk menuju ke arah Ladang Risda Ulu Sedeli yang terletak berhampiran sebelum dilanggar.

Katanya, Perhilitan telah mengambil dan merekodkan data morfologi asas dan melupuskan bangkai haiwan tersebut dengan menanamnya berhampiran lokasi kejadian.

- Bernama